



10 Mei 2021
10 May 2021
P.U. (A) 227

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 4) 2021

*FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA)
(AMENDMENT) (NO. 4) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 4) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Pahang, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 4) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Mei 2021.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) di bawah kepala "**Negeri Pahang Darul Makmur**" dengan menggantikan butiran 7 dengan butiran yang berikut:

"7. (*Laluan 10*): *Jalan Temerloh – Kemayan*

Bermula dari sempadan Negeri Sembilan - Pahang di koordinat U 3.122305, T 102.364033 dan berakhir di koordinat U 3.441410, T 102.427111 di dalam sempadan hak lalu lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 30: JALAN TEMERLOH – KEMAYAN, NEGERI PAHANG (jarak sepanjang 49.558 km)."; dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 29: JALAN CENTRAL SPINE, NEGERI PAHANG peta yang berikut: